

**Pembangkok tidak perlu politikkan usaha kerajaan
Utusan Online
Januari 13, 2012**

KUALA LUMPUR 13 Jan. – Usaha kerajaan dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan sisa pepejal ke arah persekitaran lestari tidak perlu dipolitikkan pihak pembangkang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung berkata, sikap pembangkang yang sering memutar belit fakta terhadap langkah kerajaan dalam menyediakan kemudahan kepada rakyat dianggap sebagai paranoid.

“Mereka (pembangkang) terlalu sensitif dengan aktiviti yang dilakukan kerajaan terutamanya yang melibatkan kemudahan kepada rakyat.

“Mereka juga akan menuduh tindakan ini sebagai gimik bagi memancing undi pada pilihan raya akan datang dan saya menganggap semua tuduhan itu tidak berasas sama sekali,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Tong Mudah Alih kepada penduduk Taman Desa di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Setiausahanya, Datuk Ahmad Kabit dan Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn. Bhd., Mohd. Zain Hassan.

Tambah Chee Heung, kerajaan komited dalam menguruskan sistem sisa pepejal dan pembersihan awam menerusi pengagihan tiga juta unit tong sampah mudah alih secara berperingkat kepada premis perumahan bermula September tahun lalu.

“Memang kerajaan Persekutuan membuat perancangan setiap tahun tidak kira sama ada menjelang pilihan raya atau tidak.

“Justeru, penyerahan tong sampah secara percuma ini tidak ada kaitan dengan gimik menjelang pilihan raya seperti yang didakwa pembangkang,” tegasnya.

Tambahnya, pengurusan tong-tong sampah mudah alih di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang dikendalikan oleh syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. manakala di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan (SWM Environment Sdn. Bhd.) serta Perlis dan Kedah (Environment Idaman Sdn. Bhd.)

Sementara itu, Mohd. Zain ketika ditemui berkata, sehingga kini hampir 48,000 unit tong sampah telah diagihkan kepada penduduk sekitar Kuala Lumpur.

“Jumlah keseluruhan unit tong sampah untuk agihan ialah 254,000 unit. Oleh itu, kami akan pastikan kesemua tong sampah berkenaan akan selesai diagih sebelum September nanti,” ujarinya. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0113&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_24.htm